

BAB 3 PROFIL EKSKLUSIF ABDUL RAHMAN YA'KUB

3.1 Pendahuluan

Untuk mengetahui tokoh ini dengan lebih lanjut, penulis akan membincangkan dalam bab ini mengenai perjalanan hidup tokoh ini dengan menelusuri profil eksklusif beliau.

Beberapa tulisan mengenai tokoh ini telah diabadikan oleh beberapa orang penulis seperti H.M Tuah Iskandar dalam *Abdul Rahman Ya'kub Kancil Sarawak*, Suhaimi Mokhtar dalam *Putera Kenyalang Satu Dekad Penuh Cabaran* dan sebagainya adalah fakta mengenai ketokohan beliau di Sarawak khususnya dan di Malaysia umumnya. Dalam usia menjangkau lingkungan 85 tahun sudah tentu berbagai kenangan yang ditinggalkan sama ada suka maupun duka sepanjang menabur khidmat beliau di Sarawak Darul Hana. Untuk itu penulis membawa perjalanan silam individu ini pada perbincangan yang selanjutnya.

3.2 Latar Belakang

Tokoh ini dilahirkan di Kampung Jepak Bintulu pada 3 Januari 1928.¹ Ayahnya Wan Ya'kub Bin Wan Yusuf atau lebih dikenali dengan nama Pak Lekup berasal dari Mukah Sarawak manakala ibu beliau Siti Hajar Binti Mohd. Tahir,² juga dikenali

¹ H.M Tuah Iskandar, *Abdul Rahman Ya'akub Kancil Sarawak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1999), 3

² Suhaimi Mokhtar, *Putera Kenyalang satu Dekad Penuh Cabaran* (Petaling Jaya Selangor: Penerbitan Pena Sdn. Bhd, 1981), 24-25

dengan nama Emak Hajar.³ Emak Hajar adalah dari keturunan Brunei dan masih mempunyai banyak saudara mara di sana.⁴

Tokoh ini mesra dipanggil dengan nama ‘*mong*’ iaitu panggilan manja oleh ayahnya semasa kecil. Moyang beliau bernama Pehin Orang Kaya Setia Raja Abang Manai yang menurut kisahnya pernah mencetuskan masalah terhadap Pentadbiran Brooke suatu ketika dahulu di Sarawak. Maka disebabkan perkara inilah tokoh ini pernah dimarah oleh salah seorang pegawai Inggeris ketika melamar jawatan dalam pentadbiran pada zaman Kolonial Inggeris.⁵

Tokoh ini sekeluarga tinggal di Kampung Jepak bersama dengan masyarakat Melanau yang mana pekerjaan utama mereka adalah menangkap ikan kerana kedudukan Bintulu berdekatan dengan pantai Laut Cina Selatan. Abdul Rahman merupakan anak bongsu daripada enam orang adik beradik iaitu abang sulung yang bernama Abdul Rauf dan kakak-kakak beliau bernama Fatimah, Hamidah, Teh dan Che Mah⁶.

Kehidupan sebagai nelayan serba kekurangan dan pendapatan yang tidak menentu kerana lebih bergantung dengan hasil tangkapan laut termasuk keluarga tokoh ini. Bagi menyara keluarga, Pak Lekup menangkap ikan dan juga melakukan kerja-kerja lain seperti mengambil kayu belian⁷ untuk dijual dan sebagainya. Selain menjadi

³ *Op. Cit*, Iskandar, 2

⁴ *Op. Cit*, Abdul Rahman Ya’kub, temubual

⁵ *Op. Cit*, Iskandar, 115

⁶ *Ibid.*, 2

⁷ Pokok Belian merupakan sejenis pokok kayu keras, nama saintifiknya *Eusideroxylon Zwaggen*. Ia merupakan pokok yang lambat tumbuh membesar dan bukan dipterokarpa. Kayu Belian (*Eusideroxylon zwageri*), spesies balak Malaysia Timur, tahan secara semulajadi disebabkan ciri-ciri anatomi uniknya dan kandungan hasilan yang tinggi. Kayunya mampu tahan dedahan kepada tanah dan keadaan lain tanpa kehilangan kekuatan yang jelas. Beberapa tiang elektrik Belian yang diuji di Sarawak menunjukkan hanya reput permukaan pada garis tanah selepas 20 tahun. Ujian menggunakan mikroskop elektron (“Transmission electron microscopy (TEM)”) menunjukkan

nelayan, Pak Lekup juga merupakan seorang guru Al-Quran yang mengajar anak-anak orang kampung dan anak-anaknya sendiri termasuk tokoh ini yang masih kecil.⁸

Pak Lekup amat mengambil berat tetang pendidikan anak-anaknya terutama tokoh ini. Beliau berhasrat melihat anak-anaknya berjaya kelak lebih-lebih lagi beliau ingin melihat tokoh ini menjadi seorang tokoh agama atau pun menjadi seorang peguam.⁹

Pada tahun 1931, Pak Lekup membuat keputusan berpindah ke Miri kerana mahu mencari pekerjaan baru di sana dan memperbaiki keadaan hidup mereka.¹⁰ Kehidupan tokoh ini sekeluarga di Miri berbeza dengan sebelumnya, mereka menyewa sebuah rumah milik lelaki India bernama Syed Ahmad yang mesra dipanggil ‘*nana*’ di jalan Eu Seng, Kampung Wireless. Mereka bertetangga dengan sebuah keluarga Tionghua iaitu Tauke Chong yang berniaga kedai runcit di kampung berkenaan. Kehidupan keluarga tokoh ini dengan keluarga jiran-jiran sangat harmoni, saling tolong menolong dan memahami antara satu sama lain. Tokoh ini juga berkawan baik dengan anak-anak tauke Chong, mereka pergi ke sekolah bersama-sama dan pada waktu tertentu mereka belajar dan mengulangkaji pelajaran.

Kedudukan kewangan yang tidak menentu menyebabkan sewa rumah Pak Lekup tertunggak beberapa bulan. Namun begitu beliau bersyukur kerana tuan rumah sangat memahami keadaan beliau sekeluarga dan memberi kelonggaran kepada beliau untuk melunaskan sewa tersebut apabila memiliki wang yang cukup.

kehadiran rongga reput lembut pada dinding fiber – dicapai 21 Ogos 2011,
http://ms.wikipedia.org/wiki/Pokok_Belian

⁸ *Op. Cit*, Iskandar, 16

⁹ *Op. Cit*, Mokhtar, 12

¹⁰ *Op. Cit*, B.I.N.A, 23

Peristiwa yang sangat menggembirakan tokoh ini sekeluarga adalah ketika dimaklumkan oleh suami kakaknya bahawa permohonan mendapatkan sebidang tanah telah diluluskan. Pak Lekup mula mengumpul bahan-bahan yang diperlukan untuk mendirikan rumah di tapak tersebut sedikit demi sedikit. Akhirnya rumah itu dapat didirikan sekadar yang termampu. Walaupun masih belum lengkap tetapi Abdul Rahman sekeluarga amat gembira kerana sudah tinggal di rumah sendiri. Di rumah itulah tokoh ini membesar dan melalui berbagai peristiwa serta pengalaman yang tidak mungkin dilupakan oleh beliau.¹¹

Pada tahun 1941 hingga 1945 Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun. Ekspedisi Tentera Jepun memasuki kampung-kampung dan pedalaman untuk mengejar musuh mereka dan memaksa penduduk kampong melarikan diri dari kekejaman tentera Jepun. Keluarga Abdul Rahman juga mengosongkan dan meninggalkan rumah mereka untuk menyelamatkan diri ke kawasan yang lebih selamat. Keadaan ini berlaku berulangkali sepanjang pendudukan Jepun itu.

Pengalaman yang berharga yang dilalui oleh tokoh ini apabila beliau bekerja menjadi penterjemah kepada tentera Jepun. Beliau dipilih kerana kebolehan bercakap dan berkomunikasi dalam bahasa Jepun.¹²

Tokoh ini hampir-hampir menemui ajal ketika menjadi penunjuk jalan kepada tentera Jepun untuk pergi ke satu kawasan yang beliau sendiri tidak pernah sampai. Pada pertengahan jalan mereka terserempak dengan Pak Mud iaitu bapa saudara sebelah ibunya lalu menyertai mereka. Apabila Pak Mud mendapati keadaan semakin sukar, beliau menyuruh tokoh ini melarikan diri kerana kemungkinan mereka akan

¹¹ *Op. Cit*, Iskandar, 33

¹² *Op. Cit*, Abdul Rahman Ya'kub, temubual

dibunuhan memandangkan perjalanan mereka telah tersasar dan tidak akan sampai ke tempat yang dituju. Ketika mereka berehat dari keletihan tokoh ini mengambil kesempatan lari meninggalkan kumpulan tersebut tanpa diketahui oleh tentera Jepun.¹³

Satu peristiwa yang menyentuh hati tokoh ini terjadi ketika tentera Jepun mendera abangnya Abdul Rauf yang tidak pergi bekerja kerana kurang sihat, namun alasan itu tidak dapat diterima oleh tentera Jepun. Penderaan itu dilakukan di hadapan tokoh ini sendiri dan beliau amat sedih dan kecewa menyaksikan peristiwa tersebut. Semenjak hari itu tertanam rasa tidak senang beliau terhadap tentera Jepun sehingga meninggalkan bahasa Jepun. Beliau kesal dengan tindakannya itu tetapi sebagai manusia beliau juga mempunyai alasan untuk menyukai atau membenci sesuatu.¹⁴

Keperitan hidup menjadikan Abdul Rahman berani dan sanggup menghadapi risiko. Beliau bersama ayahnya ke laut yang berombak dan sungai yang berjeram serta merbahaya mengambil guano¹⁵ di Gua Niah untuk dijual. Mengharungi air sungai yang deras dan terdapat jeram, beting dengan kapal injin disel amat merbahaya tetapi terpaksa diredaht untuk kesinambungan hidup. Semua itu menjadi guru dan pengalaman berguna kepada Abdul Rahman dalam sejarah hidupnya.¹⁶

Pada usia kanak-kanak, Abdul Rahman mempunyai minat seperti kanak-kanak yang lain dan beliau adalah seorang yang berbakat dan serba boleh. Di antaranya beliau amat gemar bermain bola sepak disamping jenis-jenis sukan yang lain.

...Rahman Ya'kub was very active in sports during his school days, especially football (soccer). In the later years of his life he also enjoyed playing golf. Rahman is a very religious man and loves

¹³ *Op. Cit*, Iskandar, 65-68

¹⁴ *Op. Cit*, Abdul Rahman Ya'kub, temubual

¹⁵ Guano: Tahi Kelawar sudah kering yang digunakan sebagai baja. Dewan bahasa Dan Pustaka (1981), *Kamus Dewan Edisi Baru*, Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 380

¹⁶ *Op.Cit*, Iskandar, 71-74

reading religious books on Islam. He even conduct free-religious classes for the public after leaving active politics in 1985...¹⁷

3.3 Pendidikan

Hasrat dan keinginan tokoh ini untuk menuntut ilmu berputik sejak dari kecil lagi dan terus mekar seakan-akan tidak pernah pudar apatah lagi hilang. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Anchi di Miri. Walaupun tidak membawa peralatan belajar yang mencukupi, beliau tetap gembira dapat ke sekolah. Perjalanan suka duka persekolahan beliau sangat berliku dan mencabar sehingga beberapa kali tergendala disebabkan kemiskinan dan juga perkara yang lain seperti ketegangan yang berlaku semasa tercetusnya Perang Dunia Kedua.¹⁸

Apabila perang reda pada tahun 1946, beliau menyambung pelajarannya semula dan ketika berusia 18 tahun beliau hanya lulus Standard Dua atau Darjah Empat sahaja. Pelajarannya terhenti lagi buat seketika, kemudian bersambung semula selama setahun tetapi sekali lagi berhenti. Asas faktor kewangan keluarga yang daif tidak dapat membiaya persekolahannya, beliau harus bekerja untuk membantu ayah dan keluarga.

Tokoh ini membuat keputusan untuk mencari kerja dan melupakan buat seketika pelajarannya. Dengan mendapat gaji, dia boleh membantu ayahnya menampung perbelanjaan keluarga. Pekerjaan pertama beliau adalah sebagai penguji mutu minyak ‘Oil Tester’ dengan Syarikat Shell di Lutong Miri dengan gaji di antara 42 dua sen

¹⁷ http://en.wikipedia.org/wiki/Abdul_Rahman_Ya%E2%80%99kub, dicapai 24 Jun 2011

¹⁸ Karia Bin Haji Rahmat, “Pemerintahan Negeri Sarawak Zaman Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya’kub: Satu Analisa Dari Perspektif Islam” (Kertas Projek, Fakulti Syariah Akademi Islam, Universiti Malaya, 1994), 42

hingga 2 ringgit sehari. Disamping itu beliau mengajar Bahasa Melayu kepada pekerja-pekerja Shell untuk menambah pendapatannya.¹⁹

Ketika asyik dengan pekerjaan dan mengumpul gaji serta membantu mengurangkan beban keluarga, tokoh ini mendapat tawaran melanjut pelajaran dalam bidang agama di Madrasah Al-Juned Singapura. beliau sangat gembira mendapat tawaran tersebut tetapi hanya buat seketika kerana Emak Hajar sangat keberatan untuk melepaskan beliau pergi jauh. Tokoh inimembatalkan hasrat untuk menyambung pelajarannya dan melupakan tawaran tersebut walaupun dengan hati yang berat.

Tokoh ini sememangnya individu yang cekal dan sentiasa berusaha agar hasratnya tercapai walaupun terpaksa akan berjauhan dengan keluarganya. Pada tahun 1947 beliau bertolak ke Kuching untuk mendapatkan pekerjaan dan juga peluang melanjutkan pelajarannya kerana di Bandar Kuching terdapat kelas-kelas malam yang boleh beliau ikuti. Sepanjang merantau di Kuching beliau pernah bekerja sementara sebagai mandor wad di Hospital.²⁰

Tokoh ini sentiasa mencari peluang dan kedudukan yang mengukuhkan keadaan beliau supaya bertapak lebih lama di bandar Kuching. Sekiranya dimaklumkan kepada beliau terdapat jawatan yang kosong, maka beliau akan berusaha mengisinya mengikut prosedur yang ditetapkan. Permohonan Abdul Rahman pernah ditolak ketika melamar untuk menjadi Pegawai Pelatih Hal-ehwal Bumiputera. Kelulusan yang disyaratkan untuk jawatan tersebut adalah Tingkatan Dua sedangkan beliau hanya lulus Standard Empat (darjah enam). Beliau berterus terang kepada pegawai

¹⁹ *Op. Cit*, Mokhtar, 12

²⁰ *Op. Cit*, Iskandar, 107-109

berkenaan bahawa tujuan beliau bukanlah semata-mata untuk mendapat pekerjaan tetapi juga berhasrat untuk melanjut pelajarannya.

Walaupun beliau tidak berjaya mendapatkan pekerjaan tersebut, beliau ditawarkan pinjaman untuk melanjut semula pelajarannya di Madrasah Melayu. Dalam masa kurang dari satu tahun beliau menamatkan Standard Tujuh yang setaraf dengan Sijil Rendah Pelajaran (SRP)²¹ dan sekarang dikenali dengan PMR. Beliau sekali lagi menunjukkan kecemerlangannya apabila lulus dalam seluruh ujian yang seharusnya ditamatkan dalam tempoh di antara dua hingga tiga tahun, tetapi Abdul Rahman hanya mengambil masa selama enam bulan sahaja.²²

Pencapaian dan prestasi tokoh ini semakin meningkat dari satu tingkat ke tingkat yang berikutnya. Beliau dilantik menjadi Majistret Kelas Empat di Miri dan tidak lama selepas itu, iaitu dalam tahun 1952 beliau dinaikkan pangkat menjadi Majistret Kelas Satu. Di sana beliau memberi bakti dan khidmat dengan baik dan cemerlang. Di samping itu hati kecilnya masih tersimpan riak kegelisahan mencari-cari peluang untuk melanjut pelajaran.

Sejak sekian lama di alam pekerjaan dan berada dalam situasi yang selesa, tokoh ini mengambil keputusan yang berat apabila meletak jawatan sebagai hakim untuk menyambung persekolahannya. Beliau mengambil peperiksaan Seberang Laut Cambridge di Sekolah Menengah Saint Joseph di Kuching. Perjalanan berbatu-batu kemudian menaiki perahu menelusuri Sungai Sarawak yang berliku-liku seakan-akan

²¹ Sijil Rendah Pelajaran (SRP) adalah peperiksaan bagi pelajar tingkatan tiga. Pelajar yang gagal dalam ujian ini tidak dapat meneruskan pelajaran ke tingkatan empat. Sekarang peperiksaan tersebut dikenali Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan sedikit perbezaan iaitu pelajar boleh meneruskan pelajaran ke tingkatan empat walaupun gagal dalam peperiksaan ini.

²² *Op. Cit.*, B.I.N.A, 23

tidak dirasa oleh beliau kerana membawa semangat membara untuk belajar dan mengejar cita-cita.²³

Akhirnya, perjuangan dan pengorbanan yang telah beliau lakukan mendapat pulangan yang berbaloi. Dengan izin Allah S.W.T, beliau telah lulus dengan cemerlang dan pada tahun 1953 kemudian dianugerah biasiswa melanjutkan pelajaran dalam bidang Undang-undang di Universiti Southampton. Setahun kemudian iaitu pada tahun 1954 Abdul Rahman bertolak ke England meninggalkan Bumi Kenyalang Sarawak buat menyambung perjuangannya menuntut ilmu.²⁴

Dengan tawaran itu terubatlah kerinduan tokoh ini untuk melanjutkan pelajarannya sebagaimana yang sangat diidamkannya sejak dari kecil. Walaupun beliau gembira dengan peluang tersebut tetapi bercampur dengan kesedihan kerana akan meninggalkan tanah air dan berjauhan dengan keluarga.

Di kota London yang begitu yang asing bagi tokoh ini, keadaan yang berbeza dan beliau memerlukan masa untuk menyesuaikan diri. Pada tahun pertama berada di perantauan menghadirkan keadaan yang sukar dari aspek kerinduan, kesihatan yang sering terganggu menjadikan keadaan begitu sukar bagi beliau.

Pernah suatu ketika beberapa orang tempatan bertemu beliau dan menawarkan bantuan supaya beliau lulus dalam pelajarannya tetapi mereka meminta tokoh ini mengikut agama mereka dan keluar dari agama Islam. Tawaran itu sudah tentu ditolak oleh beliau, tidak pernah terfikir olehnya akan berbuat demikian hanya sekadar untuk lulus peperiksaan.²⁵

²³ *Op. Cit*, Mokhtar,13

²⁴ *Ibid.*, 13

²⁵ *Op. Cit*, Abdul Rahman Ya'kub, temubual

Tokoh ini pernah mengetuai universiti beliau dalam pertandingan debat antara universiti dan pasukan beliau mendapat kemenangan. Nama tokoh ini mekar dan harum seantero Kota London di kalangan penuntut senegara dan mereka yang dekat dengannya.

Tokoh ini telah berjaya mendapat kelulusan Ijazah B.A (Law. Hons) dari Universiti Southampton dan Barrister-at-law di Lincoln's Inn, London. Kedua-dua ijazah tersebut diperolehi oleh beliau dari dua buah universiti dalam masa yang bersamaan.²⁶

Dengan kejayaan ini tokoh ini telah mencapai cita-citanya dalam bidang pelajaran dan sudah tentu kejayaan ini mampu mengubat segala kepayahan yang dilalui sejak kecil lagi. Di samping ijazah, beliau membawa pulang isteri beliau dari rumah tangga yang telah dibina semasa menuntut di London. Isterinya itu adalah rakan beliau sejak kecil lagi iaitu anak Taukey Chong yang menjadi jiran mereka semasa di Miri dengan memakai nama Islamnya Normah.²⁷

Kepulangan Abdul Rahman dari England disambut seperti wira dan ramai orang menunggunya di Lapangan Terbang Kuching. Ramai orang bercakap dan berbangga dengan kejayaan beliau. Beliau merupakan anak Bumiputera yang pertama mempunyai kelulusan undang-undang.²⁸

3.4 Kerjaya

²⁶ *Ibid.*

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *Op. Cit*, Haji Rahmat, 44

Apabila kembali ke tanah air pada tahun 1959, tokoh ini bekerja dan memberi khidmat untuk negeri Sarawak. Beliau dilantik sebagai *Crown Counsel* dan Timbalan Pendakwa Raya (DPP) selama empat tahun bermula dari Januari 1959.²⁹

Tokoh ini merasa pencapaian yang diperolehinya ketika itu bukanlah penamat, sebaliknya beliau sentiasa mencabar dirinya untuk terus meningkatkan pencapaian kepada tingkatan yang lebih tinggi. Kerjaya tokoh ini dalam dunia undang-undang tidak berjalan lama apabila beliau membuat keputusan menceburi bidang politik.

Pada tahun 1963 Abdul Rahman telah dibawa ke Kuala Lumpur oleh Perdana Menteri Malaysia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Hajj untuk menyertai kabinet kerajaan pusat dengan menjawat Menteri Muda di Kementerian Hal Ehwal Luar Bandar dibawah Abdul Razak Bin Hussein. Tunku Abdul Rahman Putera juga memberi peranan kepada beliau menganjur aktiviti keagamaan bahkan sering dihantar ke negara-negara Timur Tengah untuk mewujudkan kerjasama dengan Malaysia. Hasil daripada hubungan tersebut terbentuklah Sekratariat Islam yang berpusat di Jeddah, Arab Saudi yang turut melibatkan Tunku Abdul Rahman Putra sebagai salah seorang yang memulakan inisiatif penubuhan sekretariat tersebut.

Pada zaman Abdul Razak Bin Hussein menjadi Perdana Menteri, beliau sering menyenaraikan tokoh ini menyertai lawatan-lawatan beliau ke luar Negara seperti Nepal, Afghanistan, Iran, Syria, Indonesia, India, Pakistan, Negara-negara Teluk , Arab Saudi. Keadaan ini berlanjutan walaupun tokoh ini bertugas sebagai Ketua Menteri Sarawak. Hasil dari itu telah membawa kepada perlantikan beliau sebagai

²⁹ *Ibid.*

Ahli Jawatankuasa Rabitah Al-Alam Islami yang merupakan sebuah pertubuhan Islam yang terbesar di dunia.³⁰

Tokoh ini tidak lokek untuk berkongsi pengalaman beliau dalam apa sahaja bidang yang diketahuinya sama ada mengenai pelajaran, kerjaya, politik, dakwah dan sebagainya. Beliau juga sangat cintakan ilmu pengetahuan dan beliau masih kuat membaca buku terutamanya buku-buku agama. Beliau pernah berpidato semasa lawatan keluar negara di hadapan para penuntut dan mereka mennyangka tokoh ini seorang ustaz kerana kepetahan beliau menyampaikan ceramah dan memiliki bacaan ayat al-Qur'an yang sangat baik.

Oleh itu apabila beliau berpeluang untuk berbicara di hadapan umum terutamanya kalangan anak muda atau pelajar, beliau akan menggalakkan kepada mereka menuntut ilmu pengetahuan dengan bersungguh-sungguh. Beliau berpegang dengan prinsip : "*Tiap kali jatuh bukan bererti gagal, bahkan tiap kali jatuh adalah untuk bangun kembali mengejar kejayaan*".³¹

3.5 Politik

Memang sudah menjadi dasar penjajah akan memastikan pengaruh dan kuasa mereka tetap berjalan sebelum meninggalkan tanah jajahan mereka. Kemudian konsep, dasar dan budaya mereka dilangsungkan oleh anak tempatan yang telah dicerakkan jati diri mereka seperti penjajah pada sebelumnya. Tokoh ini mendapat pihak penjajah Inggeris merangka dan melaksanakan usaha yang akan mengekalkan kuasa mereka dan menafikan hak anak-anak tempatan. Di jabatan tempat beliau

³⁰ Op. Cit, Mokhtar, 112-113

³¹ Op. Cit, B.I.N.A, 24

bekerja, seorang pegawai British yang jauh kurang berpengalaman telah diletakkan di pangkat lebih tinggi dari beliau. Perkara ini telah meresahkan hati beliau dan rakan-rakan serta menguatkan lagi hasratnya untuk bangkit memerdekaan tanah air dari cengkaman penjajah. Akhirnya beliau meletak jawatan dalam bidang perundangan dan terlibat secara serius dalam kancah politik.

Pada tahun 1963 tokoh ini bertanding dalam Pilihanraya Umum Tiga Peringkat tetapi kalah. Namun begitu beliau telah dilantik menjadi Ahli Dewan Negara sebagai ahli yang dilantik dari Sarawak pada tahun yang sama dan menyertai Kerajaan Pusat di Kuala Lumpur. Sifat semulajadi beliau yang berbudi pekerti tinggi serta berwibawa menjadi faktor penting beliau boleh bergaul dan diterima oleh banyak pihak di Kuala Lumpur. Dalam masa yang singkat beliau mendapat rakan dan kepercayaan pimpinan pusat. Beliau menyertai Umno Bahagian Datuk Keramat dan pernah menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO sekitar tahun 1964-1966.³²

Pada tahun pertama bertugas di Kuala Lumpur beliau menjawat jawatan Menteri Muda membantu Abdul Razak Bin Hussein dalam Kementerian Hal Ehwal Luar Bandar. Pada tahun 1965 tokoh ini telah dilantik menjadi menteri penuh menganggotai kabinet Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Menteri Tanah Dan Galian pada 1 April 1965 sehingga tahun 1969. Beliau juga pernah dilantik menjawat Menteri Muda Kehakiman.³³

Pada tahun 1969 tokoh ini telah diamanahkan memegang kementerian yang penting iaitu Kementerian Pelajaran. Beliau telah melakukan babberapa tindakan yang mustahak sehingga beliau digelar “Panglima Dasar Pelajaran Kebangsaan”. Beliaulah

³² *Op. Cit*, Mokhtar, 2

³³ *Ibid.*

yang melaksanakan dasar menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara dan seterusnya menjadikannya bahasa pengantar kepada sistem pendidikan Malaysia.³⁴ Beliau jugalah yang mencadangkan Bahasa Kebangsaan dikenali sebagai Bahasa Malaysia.³⁵

Pada tahun 1970 beliau telah dipilih menjadi Pengerusi Majlis Menteri-menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEC) bagi memperbincang dan meningkatkan mutu pendidikan di rantau Asia Tenggara.³⁶

Tokoh ini pulang ke Sarawak pada bulan Julai tahun 1970 untuk berkhidmat kepada rakyat Bumi Kenyalang. Kepulangan beliau itu telah mencetuskan suasana penuh emosi di kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mahukan beliau kekal di kerajaan pusat. Mereka mengadakan demonstrasi aman merayu agar tokoh ini tetap menerajui Kementerian Pelajaran Malaysia.³⁷

Pengalaman tokoh ini selama lebih kurang tujuh tahun di kerajaan pusat banyak membantu beliau menjalankan tugas sebagai Ketua Menteri Sarawak. Di antara sumbangan besar oleh beliau dalam kerjaya politik di Negeri Sarawak adalah memulihkan keamanan dari ancaman komunis dan mengeratkan perpaduan kaum. Perpaduan kaum dicapai melalui menggabung jalinkan kaum yang berbilang itu ke dalam parti politik gabungan dengan suasana harmoni berlandaskan kepercayaan yang tinggi antara satu sama lain.

Tokoh ini menjawat jawatan Ketua Menteri Sarawak pada 7 Julai 1970. Pada peringkat awal menjawat sebagai ketua menteri, beliau mendapati keadaan di Negeri

³⁴ *Op.Cit*, B.I.N.A, 24

³⁵ *Op.Cit*, Haji Rahmat, 46

³⁶ *Op.Cit*, B.I.N.A, 25

³⁷ *Op.Cit*, Haji Rahmat, 46

Sarawak bergolak dan tidak stabil dari aspek perpaduan antara kaum, parti politik dan ancaman dari perjuangan bersenjata dari gerakan komunis begitu kuat sehingga ada yang menyebut keadaan Sarawak seperti “Vietnam Kecil” ketika itu.³⁸

Dengan pengalaman yang ada, tokoh ini mula merangka dan menyusun langkah-langkah yang perlu diambil tindakan dan diutamakan. Beliau melihat isu keselamatan rakyat amat perlu diberi perhatian yang tinggi. Berdasarkan apa yang berlaku ketika itu adalah ketakutan rakyat terhadap perjuangan gerakan komunis. Keadaan menjadi sukar apabila pihak komunis mendapat sokongan dari segelintir rakyat negeri Sarawak sendiri dari berbagai kalangan seperti taukey balak, cendikiawan, orang kampung dan sebagainya. Rakyat diancam oleh pihak komunis dengan ancaman bunuh atau didera sekiranya tidak menolong perjuangan komunis.

Tokoh ini merangka berbagai cara dan strategi untuk melawan komunis dan diantaranya dengan melancarkan RASCOM (*Rajang Security Command*). RASCOM telah berjaya menukar perjuangan melawan komunis daripada perjuangan pasukan keselamatan negara sahaja menjadi perjuangan rakyat.³⁹

... “Rascom i.e Rajang Security Comand was established on 26th March 1972 under the National Security Council Directive No.4 with the objective of enabling policies and decision to be made to and executed more speedily and efficiently in the fight against communist terrorism in the 3rd, 6th and 7th Division of Sarawak” ...⁴⁰

³⁸ *Op.Cit*, Mokhtar, 34

³⁹ RASCOM (Rajang Security Command) – gabungan kecekapan ketenteraan dengan kecekapan pentadbiran awam merupakan strategi Tun Abdul Rahman Ya’kub melawan perjuangan komunis di Sarawak yang menjadikan Bahagian Ketiga, Keenam dan Ketujuh kubu kuat mereka. Kerajaan pusat juga terlibat dalam strategi ini dengan membantu menjalankan perang saraf, propaganda dan berbagai lagi langkah untuk melemahkan pihak komunis – lihat Suhaimi Mokhtar h. 35

⁴⁰ Sarawak Gazette, (vol.CVIII, No. 1479, 1982), 14

Apabila rakyat melihat pihak komunis adalah musuh dan ancaman yang merbahaya kepada keamanan negeri, mereka mula menghentikan bantuan berupa makanan, maklumat, kewangan, ubat-ubatan dan pakaian. Tindakan rakyat tersebut memberi tekanan yang besar kepada pihak komunis yang berada di dalam hutan dan akhirnya merupakan salah satu faktor tamatnya perjuangan bersenjata komunis. Pada September 1973 perjuangan komunis berjaya ditangani dan kesetabilan negeri semakin baik tetapi terdapat saki baki yang “*hard core*” masih berdegil dan meneruskan perjuangan sia-sia mereka.⁴¹

Dalam satu kesempatan Tun Abdul Rahman Ya’kub berucap di Padang Central Kuching sekarang ini dikenali Padang Merdeka mengatakan di hadapan orang ramai yang berkumpul bahawa perjuangan kominis itu tidak diperlukan lagi kerana Negeri Sarawak telah merdeka. Seandainya pihak komunis meneruskan perjuangan mereka bererti mereka membunuh saudara-saudara mereka sendiri. Ucapan beliau telah didengar oleh pengintip-pengintip bagi pihak komunis.

Ketika tokoh ini sedang dirawat di Hospital Besar Kuching selepas pembedahan kecil, beliau didatangi oleh saudara kepada Bong Kee Chok⁴² yang menghulurkan sepucuk surat menyatakan kesanggupan pihak kominis berunding damai. Beliau berangkat ke Sri Aman walaupun beliau sepatutnya berehat kerana masih dalam tempoh rawatan. Dalam operasi yang dinamakan Operasi Sri Aman, beliau berbincang dengan Bong Kee Chok yang merupakan pemimpin sayap militer komunis. Mereka akhirnya menemui jalan sepakat dan memetrai perjanjian damai yang membawa

⁴¹ *Op.Cit*, Mokhtar,35-39

⁴² Encik Bong Kee Chok adalah pimpinan sayap militer pergerakan Komunis di Sarawak dan merupakan pimpinan yang berpengaruh dalam gerakan tersebut – Tun Abdul Rahman Ya’kub (Mantan Ketua Menteri Sarawak dan Mantan Presiden BINA) dalam temubual dengan penulis pada 6 Julai 2011

kepada menurunnya ancaman dari pejuang komunis.⁴³ Bong Kee Chok mengetuai seramai lebih 500 orang pejuang komunis membawa senjata mereka untuk diserahkan kepada pasukan keselamatan dan Operasi Sri Aman telah berjaya mengurangkan bahang perjuangan komunis pada 4 Mac 1974.⁴⁴

Rajah 3.1 : Majlis menandatangani Operasi Sri Aman



Sumber : Sri Aman Peace Restored In Sarawak – Compiled and Published by the Malaysian Information Services, Sarawak, 13

Foto menunjukkan majlis penandatangan memorandum persefahaman (*Memorium Of Understanding*) di antara Tokoh ini dengan Bong Kee Chock di Sri Aman pada tahun 1973. Perdana Menteri ketika itu iaitu Abdul Razak mengucapkan tahniah kepada Tokoh ini di atas kejayaan tersebut.

...Kuala Lumpur, Tuesday. Tun Razak has sent a telegram to Sarawak Chief minister Datuk Haji Abdul Rahman congratulating him on his outstanding success in his efforts to foster peace and to eliminate the nation's enemies...⁴⁵

⁴³ *Op.Cit*, Abdul Rahman Ya'kub, temubual

⁴⁴ *Op.Cit*, Mokhtar, 39

⁴⁵ *The Straits Times*-March 6, 1974 (page 1)

Rajah 3.2 : Keratan akhbar berita kejayaan Operasi Sri Aman



Sumber : The Strait Times – March 1974 (page 1)

Kejayaan tokoh ini telah menaikkan ketokohan beliau sebagai Ketua Menteri di mata rakyat Sarawak. Beliau juga berjaya mewujudkan kerajaan campuran yang pertama di Malaysia antara parti beliau dengan SUPP yang merupakan parti lawan yang kuat sebelum itu. Beliau mudah diterima oleh rakyat yang berbilang suku kaum dan etnik selain Melayu yang salanjutnya menghasilkan sumbangan yang besar kepada politik negeri Sarawak.⁴⁶

3.6 Anugerah yang Pernah Diterima

Beberapa anugerah dan pingat kebesaran yang pernah diterima oleh tokoh ini adalah seperti Datuk Patinggi Bintang Kenyalang dari Negeri Sarawak dalam tahun 1974, Panglima Mangku Negara pada tahun 1977 yang membawa gelaran Tan Sri,

⁴⁶ Op.Cit, Mokhtar, 37

SPMJ (Johore), SIMP (Pahang), SPMK (Kelantan), SSDK (Kedah), PNBS (Sarawak), SPMP (Perlis).

Beliau juga pernah menerima “*The Order of The Star of Merit*” (Korea) dalam tahun 1967, “*The Order of Star of Ethiopia*” (*The Grand Cordon*) dalam tahun 1968, Bintang Mahaputra dari Indonesia dalam tahun 1970.

Selain itu beliau juga mendapat anugerah-anugerah dari pusat pengajian tinggi seperti Pro-Cancellor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Doktor Undang-undang Kehormat dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Doktor Sains Kehormat dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Tokoh ini adalah merupakan di antara pihak yang mengasas Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan menjadi perintis sehingga tertubuhnya Yayasan Sarawak.⁴⁷

3.7 Persaraan

Atas sebab kesihatan yang kurang baik pada tahun 1980, tokoh ini mengambil keputusan bersara dari kancah politik. Persaraan ini juga membabitkan persaraan beliau dalam peranan-peranan yang lain dan kedudukan sebagai Yang Dipertua BINA mula dikendurkan. Beliau bertolak ke London untuk menjalani pembedahan dan memerlukan masa yang panjang untuk berehat.⁴⁸

Terdapat fakta yang ada merakamkan Abdul Rahman kembali aktif melibatkan diri dalam kancah politik setelah rehat tersebut, namun begitu tiada apa yang boleh diketengahkan dalam kajian ini berkaitan penglibatan tersebut. Tokoh ini kini

⁴⁷ *Op.Cit*, B.I.N.A, 25

⁴⁸ *Op.Cit*, Mokhtar, 91-97

menikmati segala usaha dan pencapaian yang telah diraih puluhan tahun lalu dan melapangkan banyak waktunya di kediaman beliau di Sri Bahagia Petra Jaya Kuching.

3.8 Meninggal Dunia

Kesihatan tokoh ini sering terganggu dan dimasukkan ke Hospital Pakar Normah di Petra jaya Kuching. Nama hospital berkenaan adalah sempena nama isteri berliau yang pertama iaitu Toh Puan Normah. Tokoh ini menghembus nafas terakhir beliau pada jam 9.30 malam tarikh 10 Januari 2015 dipangkuhan keluarga beliau tercinta. Jenazah beliau disembahyangkan di masjid Jamek Negeri Sarawak oleh ribuan umat Islam. Jasad tokoh yang gemilang ini disemadikan di tanah perkuburan Islam Samariang, Kuching.

Rajah 3.3 : Berita Kematian Abdul Rahman Ya'kub



Sumber : Borneo Post bertarikh 10 Januari 2015

Rajah 3.4 : Majlis Sembahyang Jenazah Abdul Rahman Ya'kub di Masjid Jamek Negeri Sarawak

A great loss to state, nation

Tributes pour in for Rahman Yakub as state mourns passing of an illustrious leader

Lin How Pin
Borneo Post reporter

KUCHING: Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak and Chief Minister Dato' Patinggi Tan Sri Adenan Satem have described the passing of Rahman's chief minister Tan Abdul Rahman Yakub as a tremendous loss to Sarawak and Malaysia.

At 11.00pm Friday, Najib tweeted: "My condolences to the family of Tun Abdul Rahman Yakub. He was a true patriot, a true Negri Sarawak. His contributions to Sarawak are tremendous. May his soul rest in peace."

The same message was also shared on Najib's official Facebook page.

At the same time, Tunku Rahman Yakub's residence in Perai Jaya here Friday night, Adenan said:

"We have lost a golden son of Sarawak and Malaysia."

"It is a tremendous loss to not just Sarawak, but also Malaysia. Tun Abdul Rahman Yakub was always a man of integrity, the intellectual and critical architect of Malaysia, such as the formation of Malaysia, the formation of a federal government, the formation of the confederate of communities,"

"He was one of the leaders contributing to the formation of Malaysia and brought about political stability in Sarawak. He was an inspiring leader, very intelligent and had his way of developing Sarawak. We will miss him."

Meanwhile, Head of State Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud extended his condolences to



State Islamic Board leading the funeral prayers

Rahman Yakub's family. The late Rahman was a man of principle. He was a constitutionalist and contributed greatly to Malaysia and Sarawak. He was one of those Malays who believed in the principles of Malaysia. I extend my deepest condolences to his wife, children and grandchildren."

Meanwhile, Head of State Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud extended his condolences to

Rahman Yakub's family. The late Rahman was a man of principle. He was a constitutionalist and contributed greatly to Malaysia and Sarawak. He was one of those Malays who believed in the principles of Malaysia. I extend my deepest condolences to his wife, children and grandchildren."

Meanwhile, Head of State Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud extended his condolences to

Rahman Yakub's family. The late Rahman was a man of principle. He was a constitutionalist and contributed greatly to Malaysia and Sarawak. He was one of those Malays who believed in the principles of Malaysia. I extend my deepest condolences to his wife, children and grandchildren."

Meanwhile, Head of State Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud extended his condolences to

In the early '90s, Sarawak was still facing internal and external secessionist threats but Rahman Yakub managed to build a strong link between security forces and civilians to tackle security problems.

He upheld the principles in the setting up of RAGCOM on March 27, 1972. Sarawak signed an MoU with the Chinese Communists to help them to beyond now at Masjid Jamek yesterday.

The Sunday Post
1/1/2015

My condolences to the family of Tun Abdul Rahman Yakub. His contributions to Sarawak are tremendous. May his soul rest in peace.
—Dato' Seri Najib Tun Razak, Prime Minister

on Oct 21, 1971. "Operation Gawai Asan on March 4, 1971 saw 462 communist terrorists under the leadership of Sung Kee Chok surrender and return to society. This was the beginning of the peace and peace in Sarawak that is felt till today."

Rahman Yakub then united the Malay and Bumiputra parties under his leadership, valid the statement, adding the merger of Parti Negara and Parti Revolusi Garuda into the Sarawak Progressive Front, which was later joined by Parti Persatuan Sarawak to form Parti Persatuan Sarawak (PPS).

"This unity restored political stability in Sarawak which dealt a big blow to the communists and secessionists. Sarawak was the first state government to experiment with a coalition government, a federal government unit under the federal government."

Local dignitaries, government officers, community leaders and members of the public from all walks of life paid their respects to Rahman Yakub at his memorial service.

Sumber : Borneo Post bertarikh 11 Januari 2015

3.9 Kesimpulan

Dari awal bab ini telah diketengahkan latar belakang tokoh ini sebagai subjek kajian. Beliau merupakan seorang yang baik, cekal, bijak dan tabah menempuh segala keadaan dalam mengejar cita-cita. Tokoh ini mula dikenali dan dihormati di kalangan penduduk negeri Sarawak melalui kejayaan dan kemajuan yang dibawa dari masa ke semasa.

Selain daripada sumbangan kepada pembangunan negeri Sarawak secara umumnya, beliau juga menyumbang dalam dakwah di Sarawak. Beliau mengetuai penubuhan organisasi dakwah terbesar di Sarawak iaitu BINA. Seterusnya penulis akan membincangkan sumbangan beliau dalam dakwah di Sarawak.